

26 JUN 2003

ABDULLAH TERIMA KUNJUNGAN SETIAUSAHA AGUNG OIC

PUTRAJAYA, 26 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima kunjungan hormat Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahed Belkeziz di pejabatnya di sini.

Kedua-dua pemimpin berkenaan antara lain membincangkan persiapan Malaysia yang akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak OIC, Oktober depan.

Lawatan berkenaan adalah yang pertama oleh Dr Belkeziz sejak beliau memegang jawatan berkenaan pada tahun 2001.

Beliau bersama tujuh anggota delegasinya akan berada di negara ini sehingga Sabtu.

Dr Belkeziz semalam melahirkan rasa kagum dengan persiapan Malaysia bagi menganjurkan sidang kemuncak berkenaan semasa melawat venue persidangan di Pusat Konvensyen Putrajaya.

Dr Belkeziz dijadual berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas ini.

-- BERNAMA

SHI MOZ